

STATUS EKONOMI PEKEBUN KECIL KELAPA DI HILIR PERAK AND PERAK TENGAH

ECONOMIC STATUS OF COCONUT SMALHOLDERS IN HILIR PERAK AND PERAK TENGAH

**Norasibah Abdul Jalil, Sharil @ Charil Hj. Marzuki, Rohaila Yusof,
Hamidah Yusof, Noor Al-Huda Abdul Karim, Khalid Ismail,
Khoo Yin Yin, Ahmad Zainal Abidin Abdul Razak,
Nek Kamal Yeop Yunus & Norsamsinar Samsudin**

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak
norasibah@fpe.upsi.edu.my

Abstrak

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan pekebun kecil kelapa di negeri Perak. Responden bagi kajian ini adalah pekebun-pekebun kecil kelapa di kawasan Hilir Perak dan Perak Tengah. Bagi mendapatkan jawapan bagi permasalahan yang diutarakan, skop kajian tertumpu pada analisis pendapatan, perbelanjaan, dan simpanan. Proses penganalisan data melibatkan ujian deskriptif. Dapatan kajian mencatatkan purata tingkat pendapatan pekebun kecil ialah RM1,124.53 sebulan. 88% dari statistik ini berada dalam lingkungan pendapatan kurang dari RM2,000 di mana lebih separuh (52.8%) berada dikategorikan pendapatan kurang dari RM1,000. Keadaan ini memberi indikasi bahawa tingkat pendapatan pekebun kecil kelapa adalah rendah, dan hanya mencukupi untuk sara diri. Analisis perbelanjaan pula mencatatkan tingkat purata perbelanjaan adalah sebanyak RM1,406.7 sebulan, manakala tingkat purata simpanan yang dicatatkan adalah sebanyak –RM282.17. Penyelidik merumuskan, tingkat pendapatan pekebun kecil adalah rendah dan pihak kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah yang lebih strategik bagi membangunkan lagi sektor industri kelapa dan seterusnya membantu peningkatan pendapatan di kalangan pekebun kecil.

Kata kunci sosio ekonomi, pendapatan, perbelanjaan, simpanan

Abstract

The main objective of this study was to identify the income level, expenses and savings of the coconut smallholders in Hilir Perak and Perak Tengah. Using descriptive analysis approach, the study found that average income of smallholders was approximately RM1,124.53 per month. Around 88% of the respondents earned less than RM2,000.00 per month in which nearly 53% of them earned less than RM1,000.00. These indicate that the smallholders are living under low-income category, which is only enough for subsistence. However, the average expenditure level analysis showed that the monthly income among the smallholders was higher at RM1,406.7 with the average savings of RM282.17. This study then conclude that monthly income of the smallholders is low and the state should intervene in order to increase the income of smallholders.

Keywords *socio-economic, income, expenses, savings*

PENGENALAN DAN PENYATAAN MASALAH

Di negeri Perak, prestasi penanaman kelapa dapat dinilai berdasarkan statistik berikut. Laporan tahun 2005 melaporkan, keluasan tanaman kelapa adalah 121,011 hektar dengan pengeluaran sebanyak 538.8 juta metrik tan (Wikipedia, 2012). Pada tahun 2007, keluasan telah berkurang kepada 109,185 hektar dengan anggaran pengeluaran sebanyak 571.3 metrik tan (Jabatan Pertanian, 2007). Pada tahun 2011, keluasan tersebut telah berkurang lagi kepada 110,000 hektar dengan pengeluaran sebanyak 527.65 metrik tan yang bernilai sekitar RM 264 juta ¹.

Dari segi nilai, didapati harga produk-produk yang berasaskan kelapa, seperti santan, kerisik dll) mengalami kenaikan yang mendadak. Berkenaan harga buah kelapa yang dibeli dari pekebun kecil pula mencatatkan kenaikan seperti berikut; di mana pada tahun 1980, harga kelapa di atas pokok adalah 5 sen sebiji manakala yang berkupas adalah 15 sen sebiji. Pada tahun 2012, harga kelapa di atas pokok 40 sen sebiji, manakala yang berkupas adalah 80 sen sebiji. Keadaan ini jelas menunjukkan, biarpun berlaku peningkatan harga produk berasaskan kelapa, tetapi kadar kenaikan tahunan sebenar bagi harga sebiji kelapa yang dijual oleh pekebun kecil kelapa adalah sangat perlahan, anggaran sebanyak 1 hingga 2 sen setahun (Pengiraan: Purata harga kelapa di atas pokok dan purata harga kelapa yang berkupas bagi tempoh 1980 hingga 2012).

Perkara ini sudah pasti memberi impak besar pada status ekonomi pekebun kecil kelapa. Bertolak titik dari isu yang diutarakan, kajian semasa berhasrat melakukan penyelidikan terperinci terhadap status ekonomi pekebun kecil kelapa, yang memberi tumpuan khusus pada purata tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan pekebun kecil kelapa. Dalam erti kata lain, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkat ekonomi pekebun-pekebun kecil kelapa di daerah Hilir Perak dan daerah Perak Tengah melalui tiga aspek;

- tingkat pendapatan
- tingkat perbelanjaan dan
- tingkat simpanan pekebun kecil kelapa.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat berbagai-bagai cara bagi menjelaskan konsep kemiskinan (Chamhuri Siwar dan Mohd Hafiah Piei, 1988). Isu-isu kemiskinan ini adalah hal sejagat masyarakat seluruh dunia. Keadaan hidup masyarakat di Malaysia berbeza dengan negara lain yang tentunya memberikan tafsiran yang berbeza terhadap konsep kemiskinan.

Kemiskinan dari sudut pandangan barat, melalui Bank Dunia menyatakan;

Poverty is hunger. Poverty is lack of shelter. Poverty is being sick and not being able to see a doctor. Poverty is not being able to go to school and not knowing how to read. Poverty is not having a job, is fear of the future, living one day at a time. Poverty is losing a child to illness brought about by unclean water. Poverty is powerlessness, lack of representation and freedom.

Dari sudut pandangan timur pula; perkara kemiskinan tidak hanya terbatas kepada kegagalan memenuhi keperluan material, tetapi juga keperluan psikologi dan politik. Oleh yang demikian, tidak ada satu takrif kemiskinan yang boleh diterima dan diguna pakai oleh semua negara pada setiap masa dan ketika tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara tersebut (Mohd Taib Dora, 2000). Konsep kemiskinan adalah sensitif kepada kaedah pengukuran yang berbeza sama ada dari segi ekonomi, sosial ataupun politik yang boleh menghasilkan keputusan yang berbeza tentang insiden kemiskinan. Oleh itu perbincangan mengenai kemiskinan sentiasa diberikan perhatian oleh para pengkaji di dunia.

Tokoh tersohor yang memperkenalkan perspektif ekonomi ialah Seebohm Rowntree, anak seorang pengilang koko dan coklat di York, England. Hasil kajian beliau telah mengaitkan menjadi miskin atau berada dalam kemiskinan primer apabila keseluruhan pendapatan tidak dapat memenuhi keperluan minimum bagi mengekalkan kecekapan fizikal.

Penerima Hadiah Nobel Keamanan 2006, Profesor Muhammad Yunus, juga menjadikan perspektif ekonomi sebagai penyelesaian ke atas program pembasmian kemiskinan di Bangladesh. Penubuhan Bank Grameen adalah manifestasi kesungguhan beliau untuk membebaskan kelompok miskin dengan menggunakan pendekatan ekonomi (Jolis, 1996). Daripada kajian di enam buah negara membangun (Brazil, India, Malaysia, Pakistan, Taiwan dan Thailand), Field (1980) telah mengenal pasti ciri-ciri umum mengenai kemiskinan iaitu: (1) kadar kemiskinan menurun dengan pendidikan, (2) kadar kemiskinan paling tinggi berlaku dalam keluarga pada peringkat umur penjana ekonomi keluarga iaitu 30 hingga 49 tahun, (3) kadar kemiskinan lebih tinggi dalam kalangan wanita yang menjadi ketua isi rumah kecuali di Thailand, (4) kemiskinan meningkat jika saiz keluarga semakin besar, (5) jika bilangan penjana ekonomi keluarga meningkat, kadar kemiskinan akan berkurangan, (6) kadar kemiskinan tertinggi dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri, (7) kadar kemiskinan tertinggi di setiap negara adalah dalam kalangan pekerja di sektor pertanian (8) kadar kemiskinan tertinggi dalam kalangan petani atau pekerja ladang, (9) kemiskinan meningkat di kawasan luar bandar dan kampung-kampung kecil, dan (10) golongan miskin mempunyai sedikit atau tidak ada tanah. Asian Development Bank (ADB, 1992) merujuk

kemiskinan yang dicirikan oleh pelbagai indikator mikro dan makro. Antara ciri-ciri kemiskinan tersebut ialah (1) tanah yang terhad atau tidak ada langsung, (2) penyesuaian terhadap teknik moden yang perlahan atau rendah, (3) keluarga yang besar dan kekurangan penjana pendapatan, (4) sumber manusia yang kecil, (5) tertumpu di kawasan yang tidak maju, dan (6) biasanya dalam kalangan kelompok minoriti.

Beberapa orang tokoh awal dalam kajian kemiskinan ini cuba memberikan tafsiran mengenai konsep kemiskinan bagi mengukur konsep masyarakat sejahtera. Charles Brooth (1889) contohnya ingin membuat ukuran mengenai kemiskinan mutlak dan relatif yang merujuk.

Walau bagaimanapun kemiskinan adalah refleksi keadaan sosio ekonomi yang berlaku dalam masyarakat. Berbagai-bagai situasi yang melanda dan menguasai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemiskinan. Konsep kemiskinan ini sedikit sebanyak terbentuk oleh persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba dicapai melalui dasar anti kemiskinan. Perumahan, tahap pendidikan, pendapatan yang rendah, masalah sosial dan tidak ada pekerjaan adalah elemen yang sentiasa hadir dalam isu kemiskinan masyarakat.

Kajian ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan isu kemiskinan. Menyedari kemiskinan merupakan satu masalah sosio ekonomi yang perlukan rawatan, banyak kajian telah dijalankan mengenainya dan juga menganjurkan cadangan-cadangan yang relevan bagi mengatasinya.

Kemiskinan merupakan masalah yang bersifat multi dimensi sehingga dapat ditinjau dari pelbagai sudut. Kajian World Bank (2002) membahagi dimensi kemiskinan kepada empat perkara iaitu kekurangan peluang, keupayaan rendah, keselamatan dan kapasiti rendah. Kemiskinan dikaitkan dengan keterbatasan sosial, ekonomi dan politik sehingga menyebabkan ketidakmampuan, kesunyian dan kebuluran. Fenomena kemiskinan merupakan sesuatu yang kompleks dan tidak hanya berkaitan dengan aspek ekonomi, tetapi berkaitan juga dengan aspek lain. Namun, kemiskinan lebih kepada ketidakcukupan pendapatan dan harta untuk memenuhi keperluan seperti pakaian, perumahan, pendidikan dan kesihatan.

Walker & James (1994) membuat kajian hubungan antara faktor profil dan impaknya terhadap kemiskinan bagi masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar India dengan menggunakan kaedah analisis regresi. Dapatan kajian merumuskan, masalah kemiskinan adalah agak ketara di lokasi luar bandar, terutamanya dalam kalangan isi rumah yang terlibat dalam sektor pertanian. Kajian berdasarkan profil kemiskinan mendapati bahawa keluarga miskin dipengaruhi oleh bilangan tanggungan isi rumah yang ramai, tahap pendidikan yang rendah dan pekerjaan utama dalam bidang pertanian warisan serta tidak mempunyai kemahiran dalam bidang lain.

Decron (2002) pula mengkaji punca kemiskinan dalam kalangan penduduk di Ethiopia serta kawasan pesisir pantai dengan menggunakan 'Data Kajian Isi Rumah'. Para pengkaji dari negara-negara barat sering menggunakan model *Foster-Greer-Thorbecke (FGT)* dalam pengukuran kemiskinan. Kajian ini menggunakan pemboleh ubah seperti gender, bilangan tanggungan, umur, jenis pekerjaan, tahap pendidikan dan pemilikan harta dalam mempengaruhi agihan pendapatan isi rumah dan corak perbelanjaan mereka. Beliau menyimpulkan bahawa, faktor demografi menunjukkan dominasi dalam mempengaruhi kewujudan jurang agihan pendapatan dan penggunaan berbanding faktor-faktor lain.

Kajian World Bank (2004) memberi fokus terhadap punca kemiskinan masyarakat luar bandar di Kemboja khasnya di kawasan pedalaman Tonle Sap dan di kaki gunung. Kajian ini menjelaskan hubungan profil pekerjaan ketua isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian dan penglibatan dalam sektor awam bagi mendapatkan perbelanjaan dan penggunaan sejumlah tanggungannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemiskinan mempunyai hubungan yang rapat dengan tahap pendidikan, kemahiran yang dimiliki, kesihatan dan pekerjaan yang dilakukan. Selain itu, ketidakupayaan penduduk mempertahankan hak dan peluang dalam menjana pendapatan yang menguntungkan daripada dicerobohi oleh orang luar turut mempengaruhi agenda kemiskinan komuniti tersebut.

Analisis faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan pernah dilakukan oleh Lua Kim Geot (2003). Beliau membahagi faktor-faktor kemiskinan kepada empat kelompok iaitu modal insan, modal fizikal produktif, status pekerjaan dan pendapatan. Namun, yang paling penting dan sering digunakan adalah indikator tingkat pendidikan, bilangan tanggungan dan bilangan anak. Secara umum, semakin tinggi tahap pendidikan, semakin tinggi tingkat pendapatan.

Wan Sohaibanun Wan Nilam (1985:73, 2004) dalam kajiannya mendapati kemiskinan ke atas penduduk miskin adalah keperluan ke atas pendidikan, kesihatan dan keperluan penguasaan teknologi terutama bagi mengetahui bagaimana mengukur kemiskinan dan sejauh mana ketersediaan data kemiskinan. Melalui '*Vicious Circles of Poverty*,' suatu negara akan tetap miskin dan akan mengalami kesukaran untuk mencapai tingkat pembangunan yang lebih tinggi tanpa pemboleh ubah sosioekonomi. Lingkaran kemiskinan yang wujud menyebabkan terciptanya tingkat pembentukan modal. Pembentukan modal diperoleh daripada tingkat tabungan. Ada dua jenis lingkaran kemiskinan iaitu penawaran dan permintaan wang. Pertama, penawaran wang, tingkat pendapatan masyarakat yang rendah disebabkan oleh produktiviti yang rendah dan menyebabkan kemampuan masyarakat untuk menabung rendah. Pada akhirnya, tingkat pembentukan modal juga rendah. Kesan dari pembentukan modal yang rendah, ada negara menghadapi kekurangan barang modal seterusnya menyebabkan tingkat produktiviti rendah. Kedua, permintaan wang, di negara miskin, keinginan untuk menanam modal adalah rendah dan menyebabkan pendapatan masyarakat rendah kesan dari produktiviti yang rendah (Hakim Sulaiman, 1981:218).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kawasan Hilir Perak dan Perak Tengah. Populasi kajian ini terdiri daripada semua pekebun kecil di daerah Hilir Perak dan Perak Tengah. Kajian ini telah dijalankan secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), mengumpulkan data sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk dipilih menjadi responden kajian². Dalam membentuk reka bentuk pensampelan dan juga saiz sampel, keputusan dibuat berpandukan pada *Table for Determining Sample Size from a Given Population* oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berdasarkan panduan yang diberikan, 650 borang soal selidik diedarkan dan pihak penyelidik menerima semula sebanyak 436 set borang. Jumlah ini yang mewakili 67% daripada jumlah keseluruhan adalah mencukupi untuk meneruskan kajian. Baki yang tidak diterima semula ialah sebanyak 214 borang. Ini adalah kerana borang soal selidik tidak lengkap atau lewat diterima.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi pengumpulan data. Borang soal selidik secara keseluruhannya terdiri daripada 45 soalan yang dibahagikan kepada lima bahagian iaitu: Bahagian A - maklumat am responden; Bahagian B – tingkat dan sumber pendapatan, perbelanjaan dan simpanan; Bahagian C – pemilikan kenderaan, peralatan dan infrastruktur; Bahagian D – maklumat permasalahan utama pekebun kecil kelapa; Bahagian E – pemasaran.

Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Analisis data menggunakan kaedah deskriptif yang menganalisis data secara peratusan, frekuensi serta dengan menggunakan *Measure of central Tendency (MCT)*, iaitu ukuran kecenderungan memusat – min, mod, median.

Proses penyelidikan bermula dengan pembangunan set soal selidik. Set soalan yang telah dibangunkan diuji melalui kajian rintis. Dalam ujian ini 10 pegawai telah terlibat. Sebanyak lima set soalan ini diberi pada pegawai dari Jabatan Pertanian Persekutuan dan Pegawai Pertanian Negeri di kawasan Hutan Melintang, disusuli dengan dua orang responden dari kalangan pegawai di MARDI, dan tiga orang lagi responden (pengurus besar, ketua lembaga pertubuhan peladang kawasan dan ahli) dari Lembaga Pertubuhan Peladang, dari kawasan Simpang Tiga, Bagan Datoh. Hasil kajian rintis, kumpulan pengkaji telah mendapat cadangan-cadangan yang konstruktif daripada responden-responden yang terlibat secara *verbal*, mengenai perincian nama-nama (jenis-jenis) kelapa yang ditanam, kaedah dan strategi pengumpulan kelapa, perkara yang berkaitan dengan pemasaran, tambah nilai soalan dan maklumat-maklumat lain yang berkenaan dengan kajian ini agar bersesuaian dengan objektif yang di sasarkan. Lanjutan dari perkara ini, selepas kajian rintis selesai, set soalan soal selidik telah dimurnikan sebanyak tiga kali lagi melalui mesyuarat dalam kalangan penyelidik-penyelidik yang terlibat. Hasil akhir usaha ini, set soalan asal yang terdiri dari 37 muka surat (103 soalan) telah diringkaskan kepada 13 muka surat yang mengandungi 45 soalan sahaja.

Ujian kebolehpercayaan telah dilakukan dan didapati nilai Cronbach Alpha ialah 0.821. Oleh itu, soal selidik ini boleh diguna pakai sebagai stabil.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Seramai 436 orang pekebun kecil kelapa telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Perlu dimaklumkan di sini, tidak semua responden berjaya melengkapkan kesemua senarai soalan yang diberikan. Ada sebahagian responden memilih untuk menjawab dan tidak menjawab bahagian-bahagian tertentu. Dengan yang demikian, laporan dapatan kajian yang dipaparkan hanya melaporkan dapatan-dapatan yang diperolehi dari responden-responden yang memberi maklum balas sahaja.

Dalam bahagian ini aspek butiran responden dianalisis berdasarkan keturunan, tahap pendidikan, bilangan tanggungan dan jenis pemilikan kebun kelapa. Jadual 4.1 menunjukkan perincian maklumat am responden yang terlibat dalam kajian ini.

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 433 orang (99.03%) berbangsa Melayu dan tiga orang (0.07%) kaum India. Kajian terhadap status akademik pula menunjukkan, kebanyakan pekebun kecil kelapa, iaitu seramai 213 orang (48.9%) berkelulusan sekolah rendah, 180 orang (41.3%) berkelulusan sekolah menengah, 26 orang (6.0%) berkelulusan kolej, politeknik atau universiti dan baki seramai 17 orang (3.9%) tidak bersekolah.

Jadual 1 juga menunjukkan taburan responden berdasarkan bilangan tanggungan. Hasil analisis kajian mendapati 198 orang responden (45.4%) terdiri daripada mereka yang mempunyai tiga hingga empat orang tanggungan. Seramai 105 orang (24.1%) mempunyai kurang daripada dua orang tanggungan, 89 orang (20.4%) mempunyai lima hingga enam orang tanggungan. Selebihnya iaitu 44 orang (10.1%) mempunyai tanggungan tujuh orang dan ke atas.

Jadual 1 Maklumat responden

Butiran Responden	Bilangan	Peratus (%)
Keturunan		
Melayu	433	99.03
Cina	-	-
India	3	0.07
Lain-lain	-	-
Tahap Pendidikan		
Universiti	10	2.3
Politeknik/Kolej	16	3.7
Sekolah Menengah	180	41.3
Sekolah Rendah	213	48.9
Tidak Bersekolah	17	3.9
Bilangan tanggungan		
Kurang dari 2	105	24.1
3 – 4	198	45.4
5 – 6	89	20.4
7 – 8	34	7.8
9 ke atas	10	2.3

Status Ekonomi Pekebun Kelapa

Status ekonomi diukur melalui indikator terpilih iaitu tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan. Perbincangan yang berikutnya menyentuh dapatan kajian bagi analisis tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan.

Analisis Tingkat Pendapatan

Jadual 2 memaparkan keputusan analisis pendapatan pekebun kecil kelapa. Nilai pendapatan minimum dan maksimum yang dicatatkan ialah RM50 dan RM4,900. Tingkat pendapatan purata yang rekodkan ialah RM1,124.53. Keputusan bagi analisis frekuensi pula menunjukkan, peratus tertinggi 41.2% berpendapatan rendah iaitu antara RM500-RM999, diikuti oleh 35.2% yang berikutnya yang berpendapatan sederhana rendah iaitu antara RM1000-RM1999. Peratus ketiga tertinggi (8.6%) berada pada tingkat pendapatan sederhana tinggi iaitu antara RM2000-RM2999, di ikuti dengan 1.9% dan 1.7% kumpulan yang berpendapatan tinggi dan sederhana tinggi.

Jadual 2 Keputusan analisis deskriptif pendapatan pekebun kecil kelapa Analisis Deskriptif Purata Pendapatan Pekebun Kecil Kelapa

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Pendapatan	432	50.00	4900.00	1124.53	777.43
Ujian Frekuensi Tingkat Pendapatan Pekebun Kecil Kelapa Ikut Kategori					
		Tingkat Pendapatan		Frekuensi	Peratus
Rendah		1-499		50	11.6
		500-999		178	41.2
Sederhana Rendah		1000-1499		96	22.2
		1500-1999		56	13.0
Sederhana		2000-2499		16	3.7
		2500-2999		21	4.9
Sederhana tinggi		3000-3499		5	1.2
		3500-3999		2	.5
Tinggi		4000-4499		8	1.9
		Jumlah		432	100.0

Analisis Sumber Pendapatan

Bahagian ini memberi fokus pada sumber-sumber pendapatan pekebun kecil kelapa. Jadual 3 menunjukkan terdapat pelbagai sumber pendapatan bagi pekebun kecil kelapa. Sebahagian besar iaitu seramai 126 (28.9%) meraih pendapatan daripada hasil kelapa, 124 (28.4%) menjana pendapatan dari kelapa sawit, 78 orang (17.9%) melalui perniagaan, 33 orang (7.6%) bertukang dan 8 orang (1.8%) melakukan kerja menoreh getah.

Jadual 3 Lain-lain sumber pendapatan pekebun kecil kelapa

Sumber-sumber Pendapatan Pekebun Kelapa	Bilangan	Peratus (%)
Penoreh getah	8	1.8
Pekebun kelapa	126	28.9
Penanam kelapa sawit	124	28.4
Bertukang	33	7.6
Berniaga	78	17.9

Selain daripada pendapatan berasaskan penanaman kelapa, pekebun kecil kelapa juga mempunyai sumber-sumber lain bagi meningkatkan pendapatan. Jadual 4 memaparkan ringkasan keputusan yang diperolehi.³ Seramai 216 orang (49.5%) memberi jawapan menjalankan aktiviti tanaman selingan dengan pokok pisang atau kekacang, 206 orang (47.2%) pula memberi jawapan menjalankan aktiviti menanam selingan pokok kelapa dan kelapa sawit, 157 orang (36%) menandakan aktiviti menanam semula kelapa dengan baka kelapa yang bermutu tinggi, 37 orang (8.5%) menjalankan lain-lain kegiatan, 22 orang (5%) menamakan aktiviti selingan penanaman pokok kelapa dan menternak ikan atau udang, manakala 12 orang (2.8%) menanam secara selingan pokok kelapa dengan pokok getah dan 7 orang (1.6%) menanam pokok kelapa secara selingan pokok kekacang.

Jadual 4 Cadangan meningkatkan pendapatan

Cadangan	Frekuensi	Peratus
Tanam semula dengan baka kelapa yang bermutu tinggi	157	36.0
Tanam selingan pokok pisang atau kekacang	216	49.5
Tanam selingan pokok kelapa dengan kelapa sawit	206	47.2
Tanam selingan pokok kelapa dengan menternak ikan/udang	22	5.0
Tanam selingan pokok kelapa dengan getah	12	2.8
Lain-lain	37	8.5

Analisis Perbelanjaan

Bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang tingkat perbelanjaan pekebun kecil kajian dijalankan melalui jumlah perbelanjaan terhadap komponen-komponen perbelanjaan asas dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Jenis-jenis perbelanjaan ini terbahagi kepada lima komponen iaitu perbelanjaan bagi bayaran (sewa) rumah, elektrik dan air (utiliti), kereta dan petrol, perbelanjaan rumah dan lain-lain perbelanjaan (Jadual 5).

Jadual 5 Keputusan keseluruhan analisis deskriptif perbelanjaan bagi setiap item

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisih Piawai
Rumah	31	60	950	300.65	215.034
Utiliti	396	5	1500	172.87	165.265
Kenderaan dan petrol	298	20	1250	221.31	199.551
Belanja seharian	363	20	2000	473.05	292.381
Lain-lain belanja	144	20	1000	238.82	198.320
Jumlah perbelanjaan				1406.7	

Analisis Simpanan

Bagi mengenal pasti tingkat simpanan pekebun kecil, data bagi faktor simpanan diterbitkan melalui hasil tolak antara tingkat pendapatan dan tingkat perbelanjaan yang telah diperolehi di analisis-analisis yang lebih awal. Keputusan mencatatkan kiraan nilai simpanan bernilai negatif RM282.17 (RM1,124.53-RM1,406.7). Keputusan yang diperolehi memberi gambaran tentang status ekonomi pekebun kecil yang sebenar adalah rendah atau sekadar cukup untuk sara diri. Tingkat simpanan yang rendah atau negatif memberi indikasi pekebun kecil kelapa mempunyai tingkat keupayaan kewangan dari segi modal yang rendah. Keadaan ini menerangkan kesukaran yang mereka hadapi untuk menjalankan aktiviti tanam semula yang secara umumnya memerlukan modal yang besar.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Indikator status ekonomi dikaji melalui tiga indeks ekonomi iaitu tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan. Purata pendapatan pekebun kecil yang dicatat ialah RM1,124.53 sebulan. Tingkat perbelanjaan purata pekebun kecil kelapa mencatatkan nilai sebanyak RM1,406.7. Perbezaan nilai pendapatan dan perbelanjaan memberikan nilai simpanan sebanyak –RM282.17, di sini penyelidik merumuskan, tingkat pendapatan pekebun kecil adalah rendah dan kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah yang lebih strategik untuk membangunkan lagi sektor industri kelapa dan seterusnya meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa.

Cadangan Langkah Strategik Kerajaan Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Kelapa

Selain dari memberi fokus terhadap tingkat pendapatan, perbelanjaan dan simpanan, kajian juga tertumpu pada faktor-faktor lain yang berkaitan dengan tingkat pendapatan yang rendah. Antara faktor penyebab yang dimaksudkan ialah; harga kelapa yang tak menentu dan rendah kesan dari persaingan dengan kelapa import, benih kelapa bermutu

sukar diperoleh, penglibatan kerajaan serta peranan yang dimainkan tidak menyeluruh, dan yang terakhir tiada badan yang dilantik atau ditugaskan untuk menyelia industri kelapa serta nasib pekebun kecil kelapa.

Bagi membetulkan keadaan, kerajaan dicadangkan mengambil langkah-langkah strategik berikut;

i. Mengawal harga kelapa supaya stabil

Antara penyebab yang menyumbang pada pendapatan yang rendah ialah paras harga kelapa yang dijual di pasaran adalah rendah. Salah satu sebab ialah persaingan yang dihadapi dari kelapa import menjadikan paras harga secara keseluruhan adalah rendah. Bagi merawat masalah ini, kerajaan perlu mewujudkan pusat pengumpulan kelapa untuk menstabilkan harga. Kerajaan harus lebih berfungsi sebagai pemborong dan menghalang pengimportan kelapa dari luar negara atau mengawal kemasukan kelapa import.

ii. Tingkat pendapatan yang rendah memberi indikasi tingkat simpanan juga adalah rendah. Dalam usaha untuk menyemarakkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil kelapa, bantuan kerajaan perlu dirancarkan lagi terutama sekali dalam bentuk penanaman semula seperti membiayai aktiviti penebangan, pembersihan, perparitan, membina jalan ladang, benih, baja, racun serta kos guna tenaga.

iii. Meningkatkan pembenihan kelapa hibrid seperti Matag, Mawa dan Pandan bagi membolehkan pekebun kecil kelapa menanam semula menggunakan jenis benih yang berkualiti. Pada masa ini harga benih kelapa Matag terlalu mahal dan kurang di pasaran. Selain itu, penanam semula kelapa juga perlu dibantu bagi mengawal haiwan perosak yang menjadi masalah kepada pekebun kecil kelapa. Dicadangkan penggunaan minyak asap cair untuk menghalau haiwan perosak di kebun kelapa.

iv. Meningkatkan peranan agensi kerajaan yang terlibat dalam memberi khidmat nasihat dan latihan yang berkesan dalam semua aspek penanaman, pemprosesan, penggunaan, pemasaran dan meningkatkan nilai tambah hasil kelapa.

v. Menubuhkan sebuah Lembaga Kelapa Negara bagi membantu pekebun kecil kelapa. Fungsi Lembaga ini ialah dalam aspek latihan, penyelidikan dan pembangunan, kawal selia, menyebarkan maklumat, pemberian subsidi dan menjadi pusat inovasi pengeluaran pekebun kecil.

RUJUKAN

Abankwah, Aidoo, & Tweneboah-Koduah (2010), Margins and economic viability. *Berita Harian*. 10 Ogos 2012. (atas talian). Kerajaan pastikan kos hidup tinggi dapat diuruskan (atas talian). [<http://beritaharian.org/kjaan-pastikan-kos-hidup-tinggi-dapatdiuruskan.html>]. Diakses pada 3 Februari, 2012.

- Chamhuri Siwar dan Mohd Hafflah Piei. (1988). Dasar dan strategi pembasmian kemiskinan., Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Di akses pada 20 Nov. 2012 di lama sesawang https://openlibrary.org/books/OL1841454M/Dasar_dan_strategi_pembasmian_kemiskinan
- Decron, S. (2002). The impact of economic reform on households in rural Ethiopia 1989-95. *poverty dynamics in Africa Series World Bank*, Washington DC.
- Jabatan Pertanian. (2007). *Manual tanaman – kelapa hibrid matag dan kelapa pandan*. Hutan Melintang: Seksyen Tanaman Industri, Pusat Pembangunan Komoditi.
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2012). Dasar Pertanian Negara ke-3. (atas talian). [http://www.doa.gov.my/web/guest/dasar_pertanian_negara_ke-3]. Diakses pada 3 Februari, 1012.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2012). Enam bidang keberhasilan utama negara (atas talian). [<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/466-pengenalan-nkra/4808-pointers-6-bidang-keberhasilan-utama-negara-nkra.html>]. Diakses pada 3 Februari, 1012.
- Jabatan Pertanian Negeri Perak. (2010). Panduan menanam kelapa (atas talian). [http://www.pertanianperak.gov.my/jpp/index.php?option=com_content&view=article&id=436:panduan-menanam-kelapa&catid=68:manual-tanaman]. Diakses pada 5 Februari, 1012
- Kelapa Matag. (2012). Downloaded on 12 Sept. 2012 at http://ms.wikipedia.org/wiki/Kelapa_MATAG website.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. (2010). Dasar Jaminan Bekalan Makanan (atas talian). [http://www.moa.gov.my/web/guest/dasar_jaminan_bekalan_makanan]. Diakses pada 5 Februari, 1012.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Laporan Prestasi Pelaksanaan Kerja-Kerja Pembekalan Rundingan Terus & Projek Pemulihan Kelapa Matag Daerah Hilir Perak.
- Lua Kim Geot. (2003). *Keterbukaan ekonomi dan kesannya terhadap kemiskinan dan ketaksamarataan agihan pendapatan: Satu kajian di Malaysia*. Laporan Kualiti Hidup Malaysia. Jabatan Percetakan Negara. Kuala Lumpur.
- MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia). (2009). Manual Teknologi Penanaman Kelapa, MARDI, Kuala Lumpur.
- Musa, M. Bakri. (2007). *Towards a competitive Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. p. 122. ISBN 978-983-3782-20-8.
- Johan, Musalmah. (October 2005). “Eradicating Rural and Urban Poverty” (PDF). Malaysian Institute of Economic Research. Diarkibkan daripada asal pada 2007-07-26. Diakses pada 2007-06-01.
- “UNDP in Malaysia: Poverty Reduction”. United Nations Development Programme. (2005). Diperoleh pada 2007-06-01.
- Devaraj, Jeyakumar. (2004). “Has Malaysia really eradicated poverty?” *Aliran Monthly* (2). Diarkibkan daripada asal pada 2007-09-27. Diperoleh pada 2007-06-01. Musa, p. 124.
- Niraj Kumar & Sanjeev Kapoor. (2010). Value chain analysis of coconut in Orisa. *Agricultural economics research review* vol 23 (1), pp411-418.
- Ong, N. S. (1997). Productivity improvements for a small “made-to-order” manufacturing environment. *Industrial Management & Data Systems* 97(7), 251-258.
- Ravallion, M. (1996). What can new survey data tell us about recent changes in distribution and poverty? *Policy Paper 1694*. World Bank, Washington DC.
- Ravallion, M. (1996). How important to India’s poor is the sectoral composition of economic growth? *World Bank Economic Review* 10 (1): 1-25.

- Syed Mahadzir. (2011). Potensi dan cabaran industri pertanian negara (atas talian). [<http://syedmahadzirsyedibrahim.blogspot.com/2011/02/potensi-dan-cabaran-industri-pertanian.html>]. Diakses pada 6 Februari, 1012.
- Walker, T. & James, G. (1994). *Village and household economies in India's semi-arid Tropics*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Wan Sohaibanun Wan Nilam. (2004). *Faktor penentu pendapatan isi rumah dan implikasi terhadap pembangunan sosioekonomi di pesisir pantai daerah Marang. Data Asas 2002*. Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu.
- World Bank. (2001). *Poverty and the environment*. World Bank, Washington DC.
- World Bank. (1993). Federal Islamic Republic of the Comoros Poverty and Growth in a Traditional Small Island Society. *Document of the World Bank*. September 29.
- World Bank. (2003). *World development report: Attacking Poverty* Oxford Univ. Press, New York.
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin M. (2010). *Business research methods*. Canada: South-Western, Cengage Learning.
- Zulkafi Daud. (2007). *Apa dan kenapa minyak kelapa dara*. Kuala Lumpur: Forbina Resources Sdn Bhd.

NOTE

- ¹ Kelapa Matag (2012)
- ² Zikmund, et. al. (2010)
- ³ Di bahagian ini responden tidak dihadkan untuk memberi satu jawapan sahaja.